

KAJIAN TERHADAP WATAK DAN PERWATAKAN DALAM WAYANG KULIT

KELANTAN

NORFAZLINA IWANIS BINTI RIFIN

UNIVERSITI
MALAYSIA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
KELANTAN
2024



PROJEK PENYELIDIKAN

KAJIAN TERHADAP WATAK DAN PERWATAKAN DALAM WAYANG KULIT
KELANTAN

NAMA

NORFAZLINA IWANIS BINTI RIFN

NO MATRIK

C20A1185

PENYELIA

ENCIK MOHD ASWAWI BIN ISA

FALKUTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN (FTKW)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat ilahi kerana memberikan saya kesihatan yang baik dalam usaha menyiapkan tesis bagi projek penyelidikan 1 dan 2 ini dalam bentuk sebegini rupa. Kajian ini telah berjaya dilengkapkan dengan bantuan ikhlas dari beberapa pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu En. Asmawi Bin Isa yang telah banyak memberi saya dorongan dan sumbangan idea dalam membantu saya mengatasi masalah-masalah yang dihadapi sepanjang penulisan kajian ini.

Terima kasih dan penghargaan juga saya ucapkan kepada Encik Mohd Noor Bin Ariffin yang menetap di Kampung Alor Gajah, Jelewat Kelantan dengan tulus ikhlasnya telah sudi menjadi informan dengan memberikan maklumat dan penjelasan mengenai kajian saya ini. Selain, tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga saya terutamanya ibu dan bapa saya yang telah banyak berjasa dan memberi dorongan serta kasih sayang kepada saya. Ribuan terima kasih juga kepada senior-senior dan kawan-kawan saya yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada saya selama saya menjalani projek penyelidikan ini. Alhamdulillah, akhirnya saya telah berjaya menyempurnakan dengan sebaiknya.

Sekian, terima kasih.

KANDUNGAN**ABSTRAK****BAB SATU****i- PENDAHULUAN**

1.0 -Pengenalan	1
1.1 -Latar Belakang Kajian	2
1.2 -Pernyataan Masalah	3
1.3 -Persoalan Kajian	3
1.4 -Objektif Kajian	3
1.5 -Kepentingan Kajian	4
1.6 -Skop dan Batasan Kajian	5
1.7 -Definisi Istilah	6
1.8 -Kesimpulan	7

BAB DUA**ii- SOROTAN KAJIAN**

2.0 -Pengenalan	8
2.1 -Kajian Literatur	9
2.2 Kesimpulan	10

BAB TIGA**iii- METODOLOGI**

3.0 -Pengenalan	11
3.1 -Reka Bentuk Kajian	11
3.2 -Kaedah Perpustakaan	11
3.3 -Kajian Lapangan	12
3.3.1 -Pemerhatian	12
3.3.2-Temubual	12
3.3.3-Rakaman	12
3.4-Dokumentari	12
3.5-AnalisisKajian	13
3.6 – Kesimpulan	13

BAB 4**WAYANG KULIT KELANTAN**

4.0 Pengenalan	14
4.1 Dapatan Kajian	14
4.2 Jenis- jenis Watak Perwatakan	14-19
4.3 Proses Pembuatan Patung Wayang Kulit Kelantan	19-22
4.4 Watak Utama Dalam Wayang Kulit Kelantan	23- 25
4.5 Kesimpulan	25

BAB 5**PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.0 Perbincangan	26
5.1 Cadangan Memperkenalkan Wayang Kulit Kelantan	26-28
5.2 Kesimpulan	29
BIBILIOGRAFI	30
LAM[PIRAN	31

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang wayang kulit Kelantan iaitu watak dan perwatakan yang menjadi identiti dan cultural expression kepada masyarakat melayu dalam hiburan tradisi. Dalam kajian ini, antara aspek yang diteliti adalah dari segi jenis-jenis watak dan perwatakan dalam wayang kulit yang terdapat di Kelantan sahaja. Selain itu turut memfokuskan kepada proses-proses pembuatan patung wayang kulit mengikut watak-watak tersebut. Bermula dari pemerhatian dan pendedahan alam sekeliling sehingga menggunakan sumber-sumber daripada haiwan seperti kulit kambing dan kulit lembu untuk dijadikan patung wayang kulit. Alat. Di samping turut memberi tumpuan terhadap fungsi alat muzik dalam wayang kulit Kelantan. Semangat alam serta kepercayaan khurafat selalu dikaitkan oleh masyarakat terdahulu dalam permainan dan persesembahan wayang kulit merupakan upara pemujaan serta upacara khas. Persesembahan wayang kulit juga adalah satu persesembahan menunjukkan emosi perasaan dan escapism yang mencetuskan keseronokan megikut watak dan perwatakan yang dimainkan oleh dalang, seterusnya dijadikan sebagai perehat jiwa dan batin. Oleh itu, jelaslah bahawa terdapat watak dalam persesembahan wayang kulit merupakan alat penghubung hubungan antara manusia dan pencetus budaya terlahir daripada masyarakat yang kreatif pemikirannya dalam membina budaya yang dicipta atas tangan sendiri.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Wayang Kulit merupakan sejenis teater tradisional yang popular dalam kalangan masyarakat Asia Tenggara sebelum kedatangan pelbagai seni hiburan dan persembahan moden yang kebanyakannya berasaskan media elektronik. Ia merupakan satu bentuk persembahan teater yang menggunakan prinsip cahaya dan bayang. Bayang-bayang daripada patung-patung kulit yang terdiri daripada pelbagai watak methologi dan khayalan dimainkan oleh seorang Dalang. Persembahan wayang kulit selalunya diiringi oleh satu kumpulan muzik paluan atau gamelan dan juga alat tiupan (serunai) atau alat bertali (rebab). Wayang Kulit dipersembahkan dalam upacara atau perayaan tertentu. Fungsi Wayang Kulit ini adalah sebagai medium hiburan dan kadangkala dikaitkan dengan unsur ritual yang terdapat dalam sesuatu masyarakat. Seni persembahan ini tersebar dan membentuk satu identiti tersendiri dalam sesebuah masyarakat.

Asal usul wayang kulit telah banyak diperkatakan sebelum ini. Rata-rata berpendapat bahawa wayang kulit telah wujud di Indonesia sejak beberapa

kurun lalu dan dibawa dari Indonesia serentak dengan proses penyebaran agama Hindu. Pendapat ini sukar dibuktikan sama ada benar atau tidak. Kalau pun benar, kebenaran ini mungkin dalam aspek-aspek tertentu sahaja. Tidak terdapat sebarang persamaan baik dari segi falsafah mahu pun dalam cara persembahan antara wayang kulit Jawa atau Melayu dengan tradisi teater India. Bukti yang konkret pun tidak pernah dicatat secara pasti. Catatan yang ditemui hanya berupa pandangan dan pendapat yang diasaskan pada pergerakan sejarah semata-mata. Namun demikian cerita wayang kulit di Pulau Jawa, Bali atau Malaysia semuanya berasaskan pada dua hikayat Dewa-dewa, iaitu Mahabharata dan Ramayana. Begitu juga dengan persamaan istilah seperti wayang, dalang, panggung dan kelir.

Pengertian istilah wayang dalam bahasa Melayu ialah bayang-bayang yang bergerak ke sana ke mari. Dalang membawa erti orang yang melakukan persembahan wayang. Panggung pula membawa pengertian tempat berbumbung yang disekelilingnya tertutup dan digunakan untuk pertunjukan wayang.

1.1 latar kajian

Kertas kerja ini mensasarkan cerita-cerita tradisional wayang kulit yang dipersembahkan di negeri Kelantan. Dalam proses mengumpul data, pengkaji telah mengikuti dua kumpulan wayang kulit yang bergiat aktif iaitu kumpulan Suara Emas dan kumpulan Sri Campuran. Berdasarkan maklumat yang diperolehi,

terdapat sebelas kumpulan wayang kulit yang berdaftar dengan Jabatan Kebudayaan Negeri Kelantan. Namun hanya dua kumpulan yang paling aktif mengadakan persembahan dipilih sebagai kumpulan utama dalam kajian ini. Kumpulan Suara Emas dari daerah Bachok diketuai oleh Nik Mat Ludin atau Pok Nik manakala kumpulan kedua adalah kumpulan Sri Campuran yang berasal dari daerah Pasir Mas yang diketuai oleh tok dalang Hamzah Bin Yusof atau lebih dikenali sebagai Pak Zah oleh penduduk tempatan.

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif yang melibatkan tiga teknik utama iaitu pemerhatian ikut serta, temubual dan kajian dokumen. Dalam usaha mendekati sesuatu budaya memerlukan penyelidik berada dalam dunia masyarakat yang mengamalkan budaya tersebut. Pemerhatian ikut serta dan temubual melalui kerja lapangan adalah cara yang efektif bagi memperolehi maklumat deskriptif daripada responden menerusi penelitian, penilaian dan rumusan mengenai fenomena kajian. Oleh itu, kaedah kualitatif dilihat amat bertepatan dengan objektif kertas kerja yang dilakukan. Selain daripada pemerhatian ikut serta, teknik pemerhatian banyak digunakan oleh penyelidik sepanjang kajian dijalankan. Teknik pemerhatian mempunyai kelebihan yang tersendiri dari segi kemampuan untuk mendapat maklumat yang tepat. Melalui pemerhatian, maklumat yang diperolehi adalah daripada pengalaman terus yang dialami penyelidik serta mampu memperolehi maklumat-maklumat yang di luar jangkaan.

1.2 Penyataan masalah

Pada pandangan pengkaji, generasi muda hari ini adalah tidaklah mengetahui akan jenis-jenis watak perwatakan yang terdapat dalam wayang kulit di Kelantan, malah mereka hanya melihat dan mendengar bunyinya sahaja tanpa membezakan jenis watak yang terdapat dalam persesembahan Wayag Kulit Kelantan. Dalam pada itu, generasi muda hari ini dilihat kurang mengetahui tentang proses-proses pembuatan patung- patung dalam wayang kulit Kelantan. Patung wayang kulit yang mempunyai reka bentuk yang unik, menarik dan dihiasi dengan ukiran dan bagaimana ia dihasilkan sehingga menjadi sebegitu rupa langsung tidak diketahui oleh generasi muda. Selain itu, pengkaji juga turut berpandangan bahawa generasi muda hari ini gagal menyatakan siapakah watak utama dalam muzik Wayang Kulit. Oleh itu, satu kajian berkenaan dengan watak perwatakan wayang kulit terutamanya di Kelantan perlu dilakukan. Semoga dapatan dalam kajian ini boleh memberikan pendedahan yang mendalam serta berguna kepada generasi muda hari ini.

1.3 Permasalahan kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa persoalan yang berkenaan dengan tajuk kajian :-

1.3.1 Apakah jenis-jenis watak yang terdapat di Kelantan ?

1.3.2 Apakah proses-proses pembuatan patung ?

1.3.3 Siapakah watak utama dalam Wayang Kulit ?

1.4 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

1.4.1 Mengenal pasti jenis-jenis watak yang terdapat di Kelantan.

1.4.2 Mengkaji proses-proses pembuatan patung .

1.4.3 Mengetahui watak utama dalam Wayang Kulit

1.4 Kepentingan kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau watak perwatakan wayang kulit yang terdapat di Kelantan, memahami bagaimana proses pembuatan dilakukan, dan menonjolkan keupayaan serta kita juga diberitahu watak utama yang dimainkan dalam sesebuah penceritaan di dalam Wayang Kulit. Justeru, ia amat penting bagi generasi muda hari ini yang dikatakan kurang pengetahuan tentang watak wayang kulit yang secara khususnya di Kelantan yang boleh dilihat dari semua segi aspek.

Terdapat juga dari segi aspek organologikal yang turut diberi perhatian. Merriam (1964: 45) mencadangkan dalam membuat kajian ke atas sesuatu patung wayang kulit mengikut watak, tiap-tiap satu bahagian perlulah diukur dengan tepat dan jelas serta diambil gambarnya. Keterangan melalui patung tersebut


mestilah mengikut prinsip pembentukannya, bahan yang digunakan dan begitu juga dengan corak perhiasannya. Selain itu, peranan watak juga boleh dikaitkan dalam fungsi teater tradisional dan kontemporari. Manakala kaedah yang digunakan pula ialah pendekatan secara kualitatif iaitu melalui penggunaan teknik pemerhatian, temubual dan juga bukti dokumen untuk mengutip, mengumpul dan menganalisis data. Pernyataan di atas jelas memberikan penerangan yang penting bagi kajian terhadap serunai, ia amat membantu pengkaji dalam melengkapkan lagi kajian yang akan dilakukan.

Diharap melalui dapatan kajian ini, dapatlah membantu dalam usaha mendapatkan maklumat penting dan terperinci yang berkaitan dengan watak perwatakan wayang kulit di Kelantan yang dikaji dari sudut jenis-jenis watak, proses-proses yang digunakan dan juga dapat mengetahui mengenai watak utama dalam Wayang Kulit secara lebih khususnya.


1.6 Skop kajian

Skop kajian ini lebih memfokuskan kepada jenis-jenis watak dalam wayang kulit yang terdapat di Kelantan sahaja tanpa melibatkan jenis-jenis watak wayang kulit di setiap negeri di Malaysia. Watak perwatakn dalam wayang kulit di Kelantan mempunyai banyak jenis dan bukannya terbatas kepada satu jenis sahaja. Selain itu, skop kajian juga melihat kepada proses-proses pembuatan patung yang dilakukan oleh petukang pada hari ini. Di samping itu, turut memberi tumpuan terhadap watak utama yang sering dipersembahkan dalam Wayang Kulit.

Umum mengetahui bahawa negeri Kelantan mempunyai beberapa daerah tertentu dan setiap daerah mempunyai pengusaha atau pembuat patung wayang kulit yang berkemungkinan mempunya kepakaran, berkemahiran tinggi dan mempunyai cara tersendiri dalam usaha mereka untuk menghasilkan pelbagai wayang kulit. Oleh itu, pengkaji mengehadkan kawasan kajiannya di kampung Alor Gajah, Jelawat, Bachok, Kelantan.



Peta Kelantan



Peta Jajahan Bachok

1.7 Definisi Istilah

Tajuk kajian ialah jenis-jenis watak dan perwatakan yang terdapat dalam wayang kulit. Secara kontenksnya Wayang Kulit ialah seni tradisional yang berasal dari tanah Jawa, Indonesia. Wayang ialah istilah bahasa Jawa yang bermakna "bayangan". Hal ini disebabkan kerana penonton juga besa menonton wayang dari belakang kelir atau hanya bayangannya saja. Wayang kulit dimainkan oleh seorang dalang yang juga menjadi narator dialog tokoh-tokoh wayang, dengan diiringi oleh muzik gamelan yang dimainkan sekelompok nayaga dan tembang yang dinyanyikan oleh para pesinden. Dalang memainkan wayang kulit di balik kelir, iaitu layar yang terbuat dari kain putih, sementara di belakangnya disorotkan lampu listrik atau lampu minyak (blencong) agar para penonton yang berada di sisi lain dari layar dapat melihat bayangan wayang yang jatuh ke kelir. Untuk dapat memahami cerita wayang (lakon), penonton harus memiliki pengetahuan akan tokoh-tokoh wayang yang bayangannya tampil di layar.

Wayang kulit telah diakui oleh UNESCO pada tanggal 7 November 2003 (setelahnya 2008), sebagai karya kebudayaan yang mengagumkan dalam bidang cerita narasi dan warisan yang indah dan berharga (bahasa Inggeris: Masterpiece of Oral and Intangible Heritage of Humanity) daripada Indonesia.[1] Wayang kulit lebih popular di Jawa bahagian tengah dan timur, sedangkan wayang golek lebih lazim dimainkan di Jawa Barat.

Namun, Wayang Kulit di Kelantan adalah Wayang kulit yang jenis ini juga di kenali sebagai wayang siam, kerana negeri kelantan pada suatu masa dulu di

bawah naungan patani dan patani ni di percayai menjadi pusat kesenian yang terdapat makyung, menora dan wayang kulit. Cerita wayang kulit kelantan kebanyakannya adalah saduran dari epik ramayana versi thai. seorang dalang perempuan berbangsa thai bernama mak eghak adalah di anggap orang yang pertama mendalang dalam wayang jenis ini di kelantan. Patung2 wayangnya juga terutama patung Sri Rama dan Laksemana adalah lebih mirip ke arah pakaian tradisional orang selatan thai. Itulah juga makanya wayang tersebut di sebut sebagai wayang siam.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini akan memberi kesinambungan warisan kesenian sebagai rujukan generasi muda masa kini untuk memahami kaitan watak dan perwatakan dalam Wayang Kulit tradisional di Kelantan, yang boleh dilihat dalam pelbagai aspek seperti meneliti dan mengenalpasti jenis watak-wtak , mengkaji proses-proses pembuatan patung dan mengetahui watak utama dalam wayang kulit.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Sorotan kajian atau kajian lepas ialah kajian semula penyelidikan baharu yang dijalankan ke atas maklumat yang diperoleh daripada jurnal, buku, dokumen (laporan, prosiding persidangan), disertasi, dan penyelidikan lepas. Proses ini adalah untuk menentukan sama ada penyelidik lain telah pun menjalankan kajian yang dirancang. Oleh itu, tujuan utama kajian literatur adalah untuk mengelakkan pengkaji daripada membuat kajian yang sama seperti kajian lepas tanpa menambah baik dan menambah baik kelemahan kajian lepas. Kajian literatur juga sangat membantu dalam menentukan tahap persetujuan dan konsensus di kalangan penyelidik sebelum mengenal pasti penyelidikan yang sedang dijalankan. Malah ia boleh dijadikan panduan kepada usaha reka bentuk kajian, selain membantu mendapatkan maklumat cadangan kajian lanjutan berdasarkan saranan pengkaji yang terdapat dalam kajian lepas. Berdasarkan kajian pengkaji iaitu Kajian Terhadap Watak Perwatakan Wayang Kulit Di Kelantan, pengkaji terlebih dahulu perlu mencari dan mendapatkan tinjauan literatur bertujuan membentuk kerangka kajian lanjutan. Ia juga membolehkan penyelidik mendapat gambaran yang lebih awal dan jelas tentang fokus dan skop penyelidikan yang boleh dijalankan. Ternyata kajian literatur memainkan peranan penting dalam membimbing pemerolehan lebih banyak pengetahuan dan membina idea dalam penyelidikan yang dijalankan.

2.1 Kajian literature

Berdasarkan tesis “ Unsur Supernatural Dalam Cerita Wayang Kulit” dalam kontetks Wayang Kulit masyarakat melayu Kelantan oleh Wan Nor Jazmina Wan Ariffin dan Ramle Abdullah (2015). Melalaui tesis tersebut beliau menyatakan adalah persembahan wayang kulit membentangkan cerita-cerita epik Ramayana dan Mahabhrata serta bercantum dengan budaya setempat untuk membentuk satu persembahan yang asas (S.Singaravelu 1993). Epik Ramayana telah menjadi sebahagian daripada kesusasteraan Melayu apabila manjadi saduran kepada Hikayat Seri Rama yang turut menjadi nadi kepada cerita-cerita wayang kulit. Cerita wayang kulit boleh dipecahkan kepada dua kategori iaitu cerita moden dan juga cerita tradisional. Cerita moden berpandukan kepada tema yang dikehendaki oleh penganjur persembahan. Kebiasaannya cerita-cerita moden ini tidak dipengaruhi jalan cerita daripada Hikayat Seri Rama dan membawa genre komedi namun masih mengekalkan status watak-watak dalam wayang kulit. Berbeza pula dengan cerita tradisional yang banyak bersumberkan Hikayat Seri Rama. Cerita-cerita tradisional dalam wayang kulit adalah sesuatu yang dipelajari dan diwarisi oleh Tok Dalang. Tok Dalang begitu mengenali dan faham tentang sejarah setiap watak dan perwatakandalam plot cerita wayang kulit.

Watak-watak dalam cerita tradisional merupakan ilham daripada Hikayat Seri Rama. Raja Seri Rama, Laksamana, Siti Dewi, Hanuman, Maharaja Rawana, merupakan watak utama dan diinspirasi daripada hikayat tersebut. Mereka dikategorikan sebagai watak kelas atasan yang tinggal di istana. Setiap satu daripada mereka mempunyai ciri-ciri luar biasa dan kesaktian yang hebat.

Watakwatak kelas bawahan pula adalah seperti Pak Dogol, Wak Long, Samad dan Said merupakan ilham daripada kebudayaan setempat. Watak mereka lebih berperanan sebagai unsur humor dalam cerita. Namun, watak Pak Dogol dan Wak Long juga mempunyai asal usul yang mempunyai ciri supernatural dan dalam sesetengah cerita, mereka turut mempunyai kuasa sakti seperti watak-watak kelas atasan.

Selain beliau terdapat juga yang membuat analisis berkaitan watak dan perwatakan iaitu Nor Raihanah Hussain (2007) , ianya menyatakan adalah individu yang dihadirkan oleh penulis untuk menggerakkan cerita dengan berdialog dan melakukan aksi. Setiap watak digambarkan mempunyai personality yang berbeza, umur, penampilan, kepercayaan, latar belakang sosial dan ekonomi serta bahasa yang melatari latar belakang sosialnya (John Gassner dan Ralph Allen, 1992). Tanggungjawab watak adalah untuk menyampaikan intipati dan mesej cerita kepada penonton sama ada hanya melalui dialog sahaja, hanya dengan melakukan aksi sahaja atau melakukan aksi sambil berdialog. Watak-watak yang ditimbulkan mempunyai peranan yang tersendiri mengikut watak dan perwatakan yang diberikan. Melalui watak, penulis skrip menyampaikan isi cerita dan mesej yang terdapat dalam cerita yang dipersembahkan.

2.2 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian literatur adalah rumusan literatur yang ditulis oleh pengkaji bertujuan untuk menerangkan maklumat dan penyelidikan semasa dan yang terdahulu. Kajian literatur disusun mengikut topik dan laporan kajian mengikut tema atau kajian individu. Kajian literatur juga adalah dokumentasi yang diperlukan dalam proposal kajian di dalam bab ini. Oleh itu, perbezaan pandangan daripada para pengkaji terdahulu membolehkan pengkaji memahami topik kajian secara menyeluruh. Pandangan-pandangan ini dapat dijadikan garis panduan supaya pengkaji dapat memfokuskan secara spesifik. Sorotan kajian ini membantu memberi maklumat kepada pengkaji watak dan perwakilan dalam Wayang Kulit Kelantan dan ia amatlah berkesan serta bertepatan dengan itu.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Dalam bab ini, kajian akan memfokuskan kepada reka bentuk kajian, sumber data, kaedah pengumpulan data, dan prosedur yang digunakan untuk menganalisis data. Kaedah penyelidikan merujuk kepada teknik yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan mengenal pasti prosedur yang berkesan untuk menjawab soalan kajian.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif, iaitu kajian yang menggunakan analisis data untuk meneliti ciri-ciri kajian. Setiap ciri yang ditemui akan dikenal pasti dan diperincikan. Ia juga merupakan satu bentuk mengumpul, menganalisis dan mentafsir cerita dan data visual untuk memahami fenomena tertentu.

Untuk mendapatkan maklumat dan data tentang kajian ini, pengkaji telah membangunkan rangka kerja yang terdiri daripada kaedah yang dipilih semasa kajian dijalankan. Kaedah yang digunakan termasuk teknik pengumpulan data sekunder dan primer, termasuk pemerhatian, temu bual, kepustakaan, kajian

lapangan dan dokumentari. Selain itu, prosedur analisis data digunakan setelah pengkaji memperolehi semua maklumat daripada teknik pengumpulan data. Pengkaji akan menjalankan kajian mengikut kaedah kajian bagi mendapatkan objektif kajian.

3.2 Kaedah Kepustakaan

Pengkaji telah menjalankan kaedah pustaka dengan meneliti dan menyelidik penulisan-penulisan tokoh berkenaan watak perwatakan Wayang Kulit Kelantan. Selain itu juga, pengkaji telah mendapatkan sumber dari penulisan akademik bagi mendapatkan sumber maklumat berkenaan dengan tajuk kajian. Pengkaji juga menggunakan sumber rujukan dari artikel-artikel, majalah, dan juga jurnal yang berkaitan Wayang Kulit di Kelantan.

3.3 Kajian Lapangan

3.3.1 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan kaedah yang paling penting sehingga kajian selesai. Pengkaji akan bermula dengan melihat jenis watak yang terdapat pada Wayang Kulit di Kelantan, juga melihat proses-proses pembuatan patung Wayang Kulit yang dijalankan. Pada masa yang sama, pengkaji juga turut membuat pemerhatian bagi memastikan lokasi kajian yang dipilih.

3.3.2 Temubual

Dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan pelbagai kaedah penyelidikan untuk mendapatkan hasil berdasarkan matlamat yang dinyatakan. Salah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah temu bual. Kaedah temuduga dijalankan di Kelantan sahaja. Kajian temubual ini dijalankan oleh pengkaji kepada seseorang yang mahir dalam bidang tertentu terutamanya dalam penghasilan Wayang Kulit di Kelantan. Sebagai contoh adalah pengusaha-pengusaha serunai di sekitar Kelantan, orang awam, dan sebagainya.

3.3.3 Rakaman

Pengkaji juga akan menjalankan kaedah fotografi untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas dan terperinci tentang cara patung Wayang Kulit dihasilkan. Dalam kaedah kajian ini, pengkaji akan menggunakan gambar-gambar sebagai rujukan untuk memudahkan bagi pengkaji menjalankan kajian mereka berkenaan tajuk yang diberi.

3.4 Dokumentari

Bagi meneliti, menganalisa, dan mengenalpasti rujukan kajian berkenaan watak perwatakan Wayang Kulit Kelantan dengan lebih lanjut, pengkaji menggunakan kaedah kajian melalui internet. Penggunaan kaedah internet ini telah membantu pengkaji bagi memudahkan untuk mencari maklumat mengenai

apa sahaja yang berkaitan dengan Wayang Kulit Kelantan. Laman web yang digunakan adalah berkaitan dengan pelbagai jenis wayang kulit, proses-proses penghasilan dan sebagainya. Beberapa laman web berkaitan dengan pembuatan wayang kulit dilayari bagi mendapatkan maklumat yang jitu dan tepat, sumber dari internet tidak dimasukkan terus di dalam kajian penyelidikan tetapi hanya sekadar dijadikan sebagai bahan rujukan.

3.5 Analisis Kajian

Setelah semua data dikutip, data akan dikumpul kerana penyelidik akan menjalankan analisis data. Dalam analisis kajian, pengkaji juga akan mengkaji pelbagai jenis watak yang terdapat dalam wayang kulit keluaran Kelantan. Kajian juga merujuk kepada jenis-jenis watak yang terdapat di Kelantan dan proses pembuatannya.

3.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian watak perwatakan Wayang Kulit di Kelantan merupakan kajian yang memerlukan pelbagai kaedah dan pendekatan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan jelas. Kaedah ini penting untuk penyelidik membuat rujukan yang lebih fokus dan terperinci. Dengan pelbagai kaedah, pengkaji lebih mudah mengkaji jenis watak dalam wayang kulit Kelantan, memahami proses penghasilannya, serta mendapatkan fungsi sebenar sesetiap watak Wayang Kulit Kelantan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Watak adalah individu yang dihadirkan oleh penulis untuk menggerakkan cerita dengan berdialog dan melakukan aksi. Setiap watak digambarkan mempunyai personality yang berbeza, umur, penampilan, kepercayaan, latar belakang sosial dan ekonomi serta bahasa yang melatari latar belakang sosialnya (John Gassner dan Ralph Allen, 1992). Tanggungjawab watak adalah untuk menyampaikan intipati dan mesej cerita kepada penonton sama ada hanya melalui dialog sahaja, hanya dengan melakukan aksi Sahaja atau melakukan aksi sambil berdialog. Watak-watak yang ditimbulkan mempunyai peranan yang tersendiri mengikut watak dan perwatakan yang diberikan. Melalui watak, penulis skrip menyampaikan isi cerita dan mesej yang terdapat dalam cerita yang dipersembahkan.

Namun, didalam bab ini membincangkan mengenai analisis data, interpretasi dan perbincangan berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh daripada temubual. Pada bab 4 ini pengkaji menggunakan keadah kualitatif yang melibatkan hasil daripada daripada pemerhatian, temubual, perpustakaan, dan rakaman.

4.1 Dapatan Kajian

Untuk mendapatkan maklumat pengkaji telah membuat beberapa tinjauan iaitu dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temubual, perpustakaan dan rakaman. Kaedah temu bual, pengkaji telah menemubual tok dalang iaitu Encik Mohd Noor Bin Ariffin yang berada di kampung Alor Gajah Jelawat, Bachok Kelantan. Beliau dipilih disebabkan beliau mempunyai banyak pengetahuan serta pengalaman dalam kehidupannya terutamnya dalam bidangan wayang kulit.

4.2 Jenis-jenis Watak Perwatakan

Wayang kulit Kelantan memiliki berbagai jenis watak yang mencerminkan kekayaan budaya dan tradisi masyarakat Melayu. Terdapat beberapa jenis wayang kulit Kelantan mengikut watak dan perwatakan. namun, semuanya tidak akan berjalan dengan sempurna tanpa tok datang. Tok Dalang merupakan pemimpin pertunjukan wayang kulit. Dia adalah dalang yang mengendalikan gerak dan suara semua tokoh dalam pertunjukan. Tok Dalang juga berperan sebagai pencerita cerita dan memberikan wejangan moral kepada penonton.

Menurut Mohd Noor Bin Ariffin(2023) semasa temubual Bersama beliau di rumahnya di Kampung Alor Gajah Jelawat Bachok Kelantan pada 1 december 2023. Mohd Noor atau lebih dikenali sebagai pok jue iaitu merupakan seorang tok dalang(tok teri) yang sudah mempunyai pengalaman bertahun- tahun lamanya. Beliau menjelaskan bahawa, watak dalam wayang kulit ini terbaik watak baik

dan watak jahat mengikut perwatakan yang dibawa dalam sesebuah cerita.


Antara watak-watak yang terdapat dalam wayang kulit ialah:

4.2.1 Watak Baik Dalam Wayang Kulit Kelantan

Menurut Mohd Noor Bin Ariffin ataulebih dikenali pokjue (2023) dalam temubual tersebut, beliau ada menyatakan bahawa terdapat pelbagai watak baik yang dalam wayang kulit Kelantan. Beliau juga ada menyatakan bahawa watak yang kelakar juga menjadi watak baik dalam persembahan wayang kulit Kelantan ini. Dalam tradisi wayang kulit Kelantan, terdapat berbagai watak baik atau positif yang memainkan peran sebagai kunci dalam pertunjukan dan sering dengan mewakili nilai-nilai luhur. Berikut adalah lima watak baik yang sering dijumpai dalam wayang kulit Kelantan:

i. Pak Dogol

Dia merupakan pengasuh Sri Rama dan amat setia kepada Sri Rama. Dia juga diberi gambaran seorang individu yang tua berwarna hitam, berperut buncit dan pusatnya sedikit terkeluar, mempunyai hidung yang besar, berkepala botak dan sedikit mendongak ke atas. Patung Pak Dogol pula diukir dengan kedua-dua tangannya boleh digerakkan dan sebelah tangannya memegang sebilah golok.



Rajah 4.1 Menunjukan Watak Pak Dogol

ii. **Wak Long**

Watak Wak Long ini juga merupakan watak yang kelakar dan nakal. Wak Long merupakan teman yang rapat kepada Pak Dogol. Menurut pada cerita wayang kulit kelantan, Wak Long ini dijadikan daripada daki Pak Dogol. Memiliki sedikit jambul di kepalanya dan bermulut sempit. Patung Wak Long juga diukir dengan kedua-dua belah tangannya boleh digerakkan tetapi, Wak Long tidak memegang apa-apa senjata.



Rajah 4.2 Menunjukan Watak Wak Long

iii. Hanuman Kera Putih

Hanuman Kera Putih ini merupakan anak Sri Rama dan Siti Dewi. Dia berwajah seekor kera dan bertubuh manusia. Hal ni kerana, Hanuman Kera Putih yang dilahirkan ketika Siti Dewi dan Sri Rama bertukar menjadi kera akibat sihir Mahrajawana. Seluruh wajah dan tubuh Hanuman berwarna putih. Hanuman digambarkan seorang yang gagah perkasa dan kuat makan. Begitu setia dengan ayahandanya dan sanggup melakukan apa sahaja untuk Sri Rama.



Rajah 4.3 Menunjukkan Watak Hanuman Kera Putih

iv. Laksamana

Laksamana merupakan adik beradik kepada Sri Rama. Dia merupakan seorang yang bijaksana serta baik hati. Laksamana juga dikatakan seorang yang begitu setia kepada Sri Rama dan sanggup melakukan apa sahaja kepada abangnya itu. Patung Laksamana juga tidak banyak berbeza dengan Sri Rama. Bibir dan mulut Laksamana juga diukir kecil. Ini bagi menggambarkan

perwatakannya yang halus. Kulit wajah dan tubuhnya berwarna merah dan tangan di belakangnya memegang sebilah pedang.



Rajah 4.4 Menunjukan Watak Laksamana

v. Wakyah, Samad dan Said

Wokyoh adalah merupakan pengasuh kepada raja dan rakyat Sri Rama yang setia. Wak Yah memiliki rambut kerinting dan sebelah tangannya memegang sebilah keris. Di kakinya pula terdapat sebuah loceng. Namun, Samad pula, adalah yang watak kelakar serta menghiburkan raja. Dengan ini watak pengasuh raja dan bersama Pak Dogol, Wak Long dan Wak Yah dan Said. Samad digambarkan berkepala botak, hidung besar dan bermata bulat. Kedua-dua tangannya juga boleh digerakkan dan sebelah tangannya memegang sebilah kapak. Said pula, memiliki kepala separuh botak dan memakai seluar pendek berwarna merah. Kedua-dua belah tangan Said juga boleh digerakkan dan sebelah tangannya memegang sikat rambut.



Watak-watak baik ini tidak hanya menghibur penonton tetapi ianya juga membawa pesanan moral dan memberikan pengajaran yang berguna serta dapat mendalamai dalam kisah Wayang Kulit Kelantan, melalui watak dan perwatakan ini, dan ia berfungsi sebagai sarana untuk menyampaikan nilai-nilai murni tradisional, serta kearifan lokal, dan etika yang dihormati dalam masyarakat setempat.

4.2.2 Watak Jahat Dalam Wayang Kulit Kelantan

Menurut Mohd Noor Bin Ariffin atupun lebih dikenali pokjue , beliau berkata watak jahat dalam wayang kulit Kelantan ini agak susah untuk didapatkan. Namun,dengan melalui pemerhatian didalam sumber media massa terdapat watak yang merupakan antagonis dalam wayang kulit Kelantan. Selain itu, Dalam tradisi wayang kulit Kelantan juga terdapat pelbagai watak jahat atau antagonis yang bercanggah dengan watak baik. Ini memberikan dimensi konflik dan drama dalam rancangan itu. Antara watak jahat yang sering ditemui dalam wayang kulit Kelantan ialah:

1. Ramayana

Mahrajawana ialah merupakan musuh yang ketat kepada Sri Rama dan ianya merupakan seorang maharaja yang jahat, zalim, kejam dan buas. Dia pernah mencuba beberapa kali untuk menculik Sita Dewi dan mahu menjadikan Siti Dewi sebagai isterinya tetapi tidak berjaya. Rawana ini memiliki 12 kepala dan sukar untuk dibunuh. Patung Mahrajawana pula diukir memiliki taring yang tajam dan wajahnya begitu hodoh serta bengis. Terdapat sebilah pedang pada tangannya.



Rajah 4.5 Menunjukan Watak Ramayana

Watak jahat ini menyumbang kepada pembangunan plot dan memberikan dinamik konflik yang menarik dalam persembahan wayang kulit Kelantan. Walaupun mereka melambangkan kejahatan, kewujudan mereka mewujudkan perjuangan antara kebaikan dan kejahanan, menonjolkan nilai moral dan kemanusiaan dalam cerita tradisional. Selain itu, terdpat juga pelbagai pengajaran

yang dapat diambil dalam kisah yang menceritakan watak perwatakan Ramayana ini.

4.3 Proses Pembuatan Patung Wayang Kulit Kelantan.

Menurut pokjue wayang kulit Kelantan ini dihasilkan tidak sama seperti menghasilkan wayang kulit yang lain. Katanya juga, wayang kulit Kelantan ini ukiran pada patung tersebut ialah lebih halus serta cara pembutan patung wayang kulit Kelantan ini lebih memerlukan ketelitian kerana wayang kulit Kelantan lebih mementingkan ke halusan ukiran. Hal ini membuktikan bahawa wayang kulit Kelantan ini berbeza dengan wayang kulit yang lain. Membuat patung wayang kulit melibatkan satu siri langkah yang rumit dan memerlukan kemahiran khas. Tradisi ini telah diturunkan dari generasi ke generasi. Berikut adalah langkah-langkah umum dalam membuat patung wayang kulit:

I. Penyediaan Kulit

Kulit yang digunakan biasanya berasal dari kulit lembu atau kambing. Kulit kemudian disediakan dengan membersihkannya dan merendamnya di dalam air untuk menghilangkan kotoran dan lemak pada kulit lembu tersebut.



Rajah 4.6 Menunjukan Kulit Lembu Yang Dibersihkan.

II. Pengeringan kulit

Selepas dibersihkan, kulit lembut tersebut seharusnya dikeringkan di bawah sinar matahari. Proses pengeringan ini menghasilkan kulit yang keras dan tegap untuk digunakan sebagai medium patung wayang kulit.



Rajah 4.7 Menunjukan Kulit Lembu Yang Dikeringkan

III. Corak dan Rekaan

Dalang atau artis yang mencipta corak arca pada sekeping kertas. Reka bentuk ini merangkumi semua butiran watak wayang, termasuk bentuk badan, muka dan aksesori. Corak ini kemudiannya dihasilkan pada kulit. Setelah itu, corak yang

telah dibuat kemudiannya dipindahkan ke kulit menggunakan arang kayu atau kapur. Namun, ianya boleh juga dilakukan dengan menggunakan marker.



Rajah 4.8 Menunjukan Sedang Membuat Lakaran

IV. Ukiran Kulit

Patung wayang kulit yang telah dibuat lakaran akan diukir dengan menggunakan pisau atau alat ukiran khas yang dipanggil "cemeti." Ukiran ini memerlukan kemahiran dan kesabaran untuk mencipta butiran halus.



Rajah 4.9 Menunjukkan Ukiran Pada Kulit Lembu

V. mewarna

Selepas patung itu dipahat, proses seterusnya adalah mewarnakan patung wayang kulit Kelantan mengikut warna yang bersesuaian..Secara tradisinya, langkah seterusnya ialah mewarnakan patung tersebut dengan menggunakan cat yang diperbuat daripada bahan semula jadi, seperti pewarna tumbuhan dan tanah liat. Namun, kini mewarna sering menggunakan cat sintetik.



Rajah 4.10 Menunjukkan Proses Mewarna

VI. Susunan Patung

Patung-patung berwarna itu kemudiannya dipasang dan dipasang untuk membentuk mengikut watak-watak wayang kulit Kelantan. Patung ini

kemudiannya dilekatkan pada bingkai kayu untuk memberi sokongan dan membentuk bentuk patung.



Rajah 4.11 Menunjukan Patung Wayang Kulit Disusun

VII. Pengeringan

Setelah keseluruhan proses selesai, patung wayang kulit mesti dikeringkan dengan baik untuk memastikan kekuatan dan ketahanannya.



Rajah 4.12 Menunjukan Pengeringan Patung


Akhir sekali, patung wayang kulit boleh diberikan aksesori seperti pakaian, hiasan, atau tambahan lain mengikut wataknya. Selain itu, membuat

patung wayang kulit ini sangat memerlukan kemahiran dan kesabaran yang tinggi. Hal ini kerana, Proses ini memerlukan kemahiran dan pengalaman yang meluas untuk menghasilkan patung wayang kulit berkualiti tinggi yang menggambarkan keindahan seni tradisional.

4.4 Watak Utama Dalam Wayang Kulit Kelantan

1. Seri Rama


Seri Rama ini merupakan watak yang utama di dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan. Seri Rama yang merupakan seorang raja yang digambarkan sebagai seorang yang gagah berani dan sanggup melakukan apa sahaja untuk Sita Dewi, isterinya. Tubuh dan wajahnya berwarna hijau dan sedang berdiri di atas seekor naga. Patung Sri Rama diukir memiliki mata dan bibir yang kecil serta wajahnya yang begitu lembut. Ini untuk menggambarkan watak Seri Rama sebagai seorang raja yang baik dan halus perwatakannya



Rajah 4.13 Menunjukkan Watak Seri Rama

Dalam tradisi wayang kulit, watak Seri Rama ini digambarkan dengan sifat-sifat yang mencerminkan kebijakan, kebijaksanaan, dan kepimpinan yang kuat. Antara beberapa sifat yang biasa dikaitkan dengan Seri Rama dalam persembahan wayang kulit adalah kesetiaan Seri Rama terkenal sebagai tokoh yang sangat setia, serta baik hati kepada keluarga mahupun kepada nilai moral. Kesetiaan ini tercermin dalam hubungannya dengan isterinya, Sita Dewi, dan abangnya yang setia, Lakshmana. Selain itu, kebijaksanaan Seri Rama sering dianggap sebagai putera yang bijaksana. Hal ini kerana setiap keputusannya adalah berdasarkan pertimbangan moral dan etika yang tinggi. Beliau juga dikenali sebagai pemerintah yang adil dan bijaksana setelah kembali ke Ayodhya.

Seterusnya, kesucian dan Kesucian Batin. Seri Rama adalah simbol kesucian dan kesucian batin. Kehidupannya dijalani dengan integriti moral, dan dia menjunjung nilai-nilai rohani. Selain itu, keteguhan dan keberanian Seri Rama menunjukkan ketegasan dan keberanian dalam menghadapi cabaran hidupnya, termasuk buangan ke hutan dan peperangan menentang Ravana. Keberanian ini sering dilihat sebagai contoh yang memotivasi pengikutnya. Dalam masa yang sama Seri Rama merupakan sifat keadilan. Sebagai seorang pemimpin dan l dan menjaga kebijakan rakyatnya. Kepimpinan berkesan juga menjadi salah satu sifat Seri Rama adalah seorang pemimpin yang berkesan, baik sebagai pemimpin tentera mahupun sebagai ketua keluarga. Beliau memberikan contoh kepimpinan yang adil dan berwibawa.




Rajah 4.14 Menunjukkan Watak Seri Rama

Seterusnya, sifat sabarnya yang menunjukkan kesabaran yang luar biasa dalam menghadapi dugaan dan cabaran hidupnya. Kejayaannya mengharungi pelbagai cabaran menggambarkan ketenangan dan kesabaran yang menjadi sebahagian daripada keperibadiannya. Selain itu, sifat kepatuhan Kepada Dharma, Seri Rama adalah merupakan pengikut setia Dharma, iaitu kewajipan moral dan kewajipan menurut ajaran Hindu. Kepatuhananya kepada Dharma menjadi asas bagi banyak keputusan dan tindakan yang diambilnya. Sifat-sifat tersebut menjadikan watak Seri Rama sebagai teladan moral dan kerohanian dalam tradisi wayang kulit dan pelbagai bentuk seni yang lain. Persembahan wayang kulit Kelantan sering menggunakan watak Seri Rama untuk menyampaikan mesej etika dan hikmah kepada penonton. Dengan ini, Seri Rama adalah salah satu watak utama dalam persembahan wayang kulit Kelantan.

2. Seri Dewi

Seri Dewi ini merupakan watak wirawati utama di dalam cerita Hikayat Sri Rama. Hal ini dikatakan demikian kerana, Seri Dewi merupakan isteri kepada Sri Rama dan digambarkan sebagai seorang isteri yang setia. Berperwatakan lemah lembut dan juga seorang yang baik. Patung Sita Dewi juga mempunyai mata dan bibir yang kecil. Memakai kain sarung dan tubuh serta kulitnya berwarna kuning keemasan. Seri Dewi ini semangnya merupakan seorang yang memiliki wajah yang cantik kerana itulah ramai yang tergila-gila kan Seri Dewi ini. Beliau juga merupakan seorang isteri yang taat pada suaminya Sri Rama.



Rajah 4.15 Mununjukan Watak Siti Dewi

4.5 Kesimpulan

Dalam wayang kulit, watak-watak mencerminkan kekayaan dan kebijaksanaan budaya. Pelbagai watak, daripada hero hingga penjahat, mencipta naratif kompleks yang memberikan mesej moral dan rohani. Kepelbagaiannya ini bukan sahaja memberi hiburan, malah turut memainkan peranan dalam memelihara identiti tempatan dan nilai tradisi. Wayang kulit menjadi pentas yang mencipta persembahan berwarna-warni, memperkayakan penonton dengan cerita yang memberi inspirasi. Kesimpulannya, watak-watak dalam wayang kulit bukan sahaja satu bentuk seni persembahan, tetapi juga warisan berharga yang menghubungkan masa kini dengan kebijaksanaan masa lama.

BAB 5

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.0 Perbincangan

Berdasarkan kepada kajian lapangan pengkaji, dapatlah pengkaji mengetahui mengenai jenis-jenis watak dalam wayang kulit Kelantan. Ternyata terdapat dua jenis watak antaranya watak baik dan watak jahat dalam wayang kulit Kelantan. Dalam pada itu, pengkaji juga berpeluang untuk mengetahui proses-proses pembuatan patung wayang kulit Kelantan dengan cara yang tersendiri kerana mempunyai ukiran yang berbeza dengan wayang kulit lain. Secara tidak langsung, dapat mengetahui wayang kulit Kelantan ukiran pada patung lebih halus serta lebih berkualiti. Selain pengkaji juga dapat mengetahui berkaitan watak-watak utama dalam wayng kulit Kelantan. Dalam pada itu, pengkaji juga turut menyatakan beberapa cadangan bagi memperkenalkan wayang kulit Kelantan kepada generasi hari ini dan akan datang. Oleh itu, cadangan amatlah penting kerana wayang kulit kelantan mempunyai identitinya yang tersendiri jika dibandingkan dengan wayang kulit yang lain terutama di negara luar.

5.1 Cadangan memperkenalkan wayang kulit Kelantan

Dalam usaha untuk perkenalkan wayang kulit Kelantan kepada generasi hari ini dan akan datang ialah:

5.1.1 Menerbitkan buku ilmiah yang menerapkan pelbagai aspek berkaitan wayang kulit Kelantan yang boleh membantu kita semua dalam melengkapkan segala persoalan terhadap wayang kulit terutama wayang kulit Kelantan.

5.1.2 Pembuatan patung wayang kulit perlu dirancang dalam mempertingkatkan lagi pengeluaran terutamanya dari aspek jaminan kualiti yang lebih baik dan seterusnya menarik minat orang ramai.

5.1.3 Pemantauan daripada pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap perusahaan ini amat penting dan diperlukan supaya perusahaan atau industri ini mendapat sambutan, juga bertahan lebih lama. Antara langkah yang boleh dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab adalah :

i. **Topik dalam sistem pendidikan**

Membuat penambahan topik berkaitan wayang kulit Kelantan dalam sistem pendidikan negara kita. Ini dapat membantu pelajar-pelajar untuk mengenali dengan lebih jelas mengenai

wayang kulit kelantan, di samping menarik minat mereka terhadap menjadi tok dalang wayang kulit yang harus diwarisi sejak turun temurun.

ii. Pengeluaran dan pemasaran

Pengeluaran terhadap wayang kulit Kelantan perlu dipertingkatkan supaya permintaan terhadapnya kian meningkat saban hari. Segala tempahan untuk membuat persembahan yang diperolehi samada dari dalam maupun luar negeri perlu disiapkan dalam jangka masa tertentu sepertimana yang di rencanakan. Oleh itu, industri pembuatan patung dan alat muzik wayang kulit Kelantan perlulah memperbesarkan dan meluaskan lagi secara maksima sebagai pemangkin kestabilan ekonomi negara serta memastikan keluaran produk hanya didapati di dalam negara sahaja iaitu buatan negara kita sahaja.

iii. Eksport

Dilihat dalam proses untuk mengeksport alat muzik dan patung wayang kulit Kelantan tersebut, pemilihan jenis bungkusan adalah amat penting supaya barang yang hendak dieksport tidak mengalami kerosakan malah selamat sampai kepada si yang membuat tempahan alat muzik dan patung wayang kulit tersebut. Selain, pengurusan yang cekap juga amat diperlukan supaya pengeluaran

alat muzik dan patung wayang kulit Kelantan lebih teratur dan sistematik juga dapat dikawal.

iv. Penambahan reka corak motif patung wayang kulit Kelantan

Penghasilan motif yang baru terhadap patung wayang kulit Kelantan mampu menarik perhatian masyarakat hari ini. Dalam konteks ini, ia adalah amat bersesuaian dengan peredaran zaman yang mengikut trend terkini. Pembangunan yang kian maju, ditambah pula dengan kemodenan yang berlaku pada masa sekarang, segala bentuk perubahan dan penambahan terhadap reka corak motif perlu diberi penyesuaian yang menarik terhadap patung wayang kulit Kelantan yang dihasilkan.

v. Pihak penyelaras

Pihak penyelaras seharusnya menukuhkan wisma mahupun galeri seni yang mengumpulkan pelbagai jenis wayang kulit, terutamanya wayang kulit Kelantan agar dapat dikenali oleh semua lapisan masyarakat. Kompleks yang didirikan juga adalah sebagai tempat yang boleh memasarkan patung wayang kulit kepada orang ramai dan juga menjadi pusat destinasi dan tumpuan pelancong dari pelbagai negara.

Selain itu, perlu juga menubuhkan pusat-pusat Latihan pembuatan patung wayang kulit kelantan dan penekanan harus diberikan kepada golongan muda agar mereka dapat mewarisi pembuatan patung wayang kulit tersebut. Begitu juga dengan tenaga pengajar mestilah mencukupi dan berpengalaman dalam semua hal berkaitan dengan wayang kulit Kelantan.

5.2 Kesimpulan

Melalui penyelidikan ini, memperlihatkan pengkaji tentang daya imaginasi dan kreativiti tukang-tukang dalam menghasilkan patung wayang kulit. Pengkaji juga dapat mengetahui perwatakan wayang kulit Kelantan ini mempunyai nilai yang tinggi kerana keasliannya tidak diubah, walaupun terdapat sedikit perbezaan dari segi proses pembuatan patung wayang kulit oleh tukang-tukang. Namun, ia masih mengekalkan penggunaan pelbagai motif ukiran keaslian tradisional yang dilihat begitu menarik. Nilai tersebut perlu dikekalkan supaya mutu dan kualitinya sentiasa terjamin, di samping boleh dikomersialkan kepada peringkat yang seterusnya, patung wayang kulit Kelantan ini yang dicipta dengan ketelitian dan kepakaran yang sebeginu rupa perlu diteruskan kelangsungannya walaupun dewasa ini masyarakat lebih menggemari animasi yang moden.

Selain itu, penyelidikan ini juga dapat memberikan sumbangan kearah pendokumentasian terhadap wayang kulit Kelantan itu sendiri sebagai warisan masyarakat melayu dan boleh dijadikan sebagai rujukan kepada masyarakat serta boleh dijadikan rujukan untuk kajian akan datang. Dalam konteks ini juga,

penekanan yang lebih serius perlu diberikan kepada watak perwatakan dalam wayang kulit yang telah mendukung peranan yang banyak terutamanya dalam persesembahan wayang kulit di Kelantan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BIBLOGRAFI

1. BUKU

Mohammad Dain bin Othman

- Wayang kulit melayu tradisional Kelantan

Fara Dayana Mohd Jufry

- Wayang kulit Kelantan (evolusi reka bentuk gambaran Siti Dewi, Seri Rama dan Ramayana.

2. INTERNET

- “Proses Pembuatan.” WAYANG KULIT, warisankita-2.weebly.com/proses-pembuatan.html.
- “Wayang Kulit Kelantan.” Wikipedia, 24 Mar. 2023, ms.wikipedia.org/wiki/Wayang_Kulit_Kelantan.
- “Sita Dewi / Siti Dewi.” Muzium.kelantan.gov.my, muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/warisan/wayang-kulit/watak-watak-utama/sita-dewi-siti-dewi.
- Daim), Muhammad Dain Bin Othman (Tok Dalang Pak. “Watak Utama Wayang Kelantan Seri Rama.” *Discol.umk.edu.my*, 19 Oct. 2022, discol.umk.edu.my/id/eprint/10903/.

3. TEMUBUAL

Mohd Nor bin Ariffn (November 2023) di Alor Gajah, Jelawat , Bachok, Kelantan.

Soalan yang di temubual :

- Jenis watak dan perwatakan dalam wayang kulit Kelantan.
- Cara pembuatan patung wayang kulit Kelantan
- Watak utama dalam wayang kulit Kelantan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN

Gambar dibawah menunjukan pengkaji sedang menemubual encik Mohd Noor bin Ariffin (pokjue) di kediaman tempat tinggalnya.

